# KANDUNGAN

Rekod Pentaksiran Murid
Pendidikan Moral Tingkatan 3 ... iv – ix

Nilai Universal Kurikulum Standard
Pendidikan Moral Sekolah Menengah ... x

**BIDANG 1 PENGENALAN MORAL**

**UNIT 1 Pilihan Bermoral Pilihan Saya** 1
- Nota Pintas ... 1
- PBD Formatif (Cetus Idea, Praktis, Nota) ... 2
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 6

**BIDANG 2 DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN**

**UNIT 2 Anugerah Alam Ciptaan Tuhan** 7
- Nota Pintas ... 7
- PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis) ... 8
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 14

**UNIT 3 Kebestarian Diri** 15
- Nota Pintas ... 15
- PBD Formatif (Cetus Idea, Nota, Praktis, Sivik) ... 16
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 21

**UNIT 4 Amalan Tradisi Kekeluargaan Khazanah Kita** 22
- Nota Pintas ... 22
- PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis, Sivik) ... 23
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 29

**UNIT 5 Konflik dalam Adab Persahabatan** 30
- Nota Pintas ... 30
- PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis) ... 31
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 36

**BIDANG 3 HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT**

**UNIT 6 Hidup Bersatu Padu Menjana Kesejahteraan** 37
- Nota Pintas ... 37
- PBD Formatif (Cetus Idea, Nota, Praktis, Sivik) ... 38
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 44

**UNIT 7 Kualiti Perkhidmatan Awam Aspirasi Pembangunan Negara** 45
- Nota Pintas ... 45
- PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis) ... 46
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 51

**UNIT 8 Bumi Hijau Bumi Kita** 52
- Nota Pintas ... 52
- PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis, Sivik) ... 53
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 58

**UNIT 9 Tanggungjawab Sosial Tanggungjawab Bersama** 59
- Nota Pintas ... 59
- PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis, Sivik) ... 60
- Aplikasi KBAT (Kuiz) ... 66

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BIDANG 4 MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG


UNIT 10 Hidup Beradab Cerminan Diri 67

Nota Pintas 67

PBD Formatif (Cetus Idea, Nota, Praktis, Sivik) 68

Aplikasi KBAT (Kuiz) 73

UNIT 11 Hindari Jenayah Kanak-kanak 74

Nota Pintas 74

PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis) 75

Aplikasi KBAT (Kuiz) 80

UNIT 12 Kebebasan Bersuara Menjamin Kemakmuran Negara 81

Nota Pintas 81

PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis) 82

Aplikasi KBAT (Kuiz) 87

UNIT 13 Amalan Tradisi Masyarakat Majmuk 88

Nota Pintas 88

PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis, Sivik) 89

Aplikasi KBAT (Kuiz) 95

UNIT 14 Kemanusiaan Asas Kemoralan 96

Nota Pintas 96

PBD Formatif (Info, Cetus Idea, Nota, Praktis, Sivik) 97

Aplikasi KBAT (Kuiz) 103

Pentaksiran Akhir Tahun 104


**Pentaksiran Pertengahan Tahun**

https://qr.pelangibooks.com/?u=PMoralT3PPT

**Jawapan**

https://qr.pelangibooks.com/?u=PMoralT3Jawapan



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# Rekod Pentaksiran Murid

# Pendidikan Moral

Tingkatan 3

*Nama:*

*Tingkatan:*

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **BIDANG 1 : PENGENALAN MORAL** | | | | | |
| **1** PILIHAN BERMORAL PILIHAN SAYA | TP1 | Menyatakan ciri pilihan bermoral. | 2 | | |
| | TP2 | Menerangkan keperluan membuat pilihan bermoral. | 3 | | |
| | TP3 | Menilai tindakan berlandaskan pilihan bermoral. | 4 | | |
| | TP4 | Menghubung kait tindakan berdasarkan pilihan bermoral dengan kepentingan mempertahankan pilihan bermoral. | 4 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan tindakan berlandaskan pilihan bermoral dalam kehidupan seharian dan bermasyarakat. | 5 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan tindakan berlandaskan pilihan bermoral dalam kehidupan seharian dan bermasyarakat secara tekal atau boleh dicontohi. | 5 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 1* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **BIDANG 2 : DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN** | | | | | |
| **2** ANUGERAH ALAM CIPTAAN TUHAN | TP1 | Menyatakan contoh anugerah alam ciptaan Tuhan. | 8 | | |
| | TP2 | Menerangkan keperluan menghargai setiap anugerah alam ciptaan Tuhan. | 9 | | |
| | TP3 | Menilai keperluan anugerah alam ciptaan Tuhan demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. | 10 | | |
| | TP4 | Menghubung kait kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan dengan cara menghargainya. | 11 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan cara menghargai alam ciptaan Tuhan dalam kehidupan seharian. | 12 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan langkah-langkah menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 13 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 2* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **3** KEBESTARIAN DIRI | TP1 | Menyatakan ciri kebestarian diri. | 16 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan memiliki ciri kebestarian diri. | 17 | | |
| | TP3 | Menilai keperluan kebestarian diri dalam kehidupan seharian. | 18 | | |
| | TP4 | Menghubung kait ilmu pengetahuan dan budi pekerti mulia dengan kebestarian diri. | 18 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan kebestarian diri dalam kehidupan seharian. | 19 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan kebestarian diri dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 20 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 3* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **4** AMALAN TRADISI KEKELUARGAAN KHAZANAH KITA | TP1 | Menyatakan amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum. | 23 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan mengekalkan amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum. | 24 | | |
| | TP3 | Menilai keistimewaan amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum. | 25 | | |
| | TP4 | Menghubung kait pengabaian amalan tradisi kekeluargaan dengan kesannya. | 26 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan amalan tradisi kekeluargaan dalam kehidupan seharian. | 27, 28 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan tradisi kekeluargaan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 28 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 4* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **5** KONFLIK DALAM ADAB PERSAHABATAN | TP1 | Menyatakan jenis konflik persahabatan. | 31 | | |
| | TP2 | Menerangkan cara menyelesaikan konflik dalam persahabatan. | 32 | | |
| | TP3 | Menilai keperluan penyelesaian konflik dalam persahabatan. | 33 | | |
| | TP4 | Menghubung kait cara penyelesaian konflik dalam persahabatan dengan kesannya. | 34 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan cara menyelesaikan konflik persahabatan dalam kehidupan seharian. | 35 | | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan cara menyelesaikan konflik persahabatan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 35 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 5*** TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| BIDANG 3: HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **6** HIDUP BERSATU PADU MENJANA KESEJAHTERAAN | TP1 | Menyatakan contoh amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa. | 38 | | |
| | TP2 | Menerangkan cara hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa. | 39 | | |
| | TP3 | Menilai keperluan amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa. | 40 | | |
| | TP4 | Menghubung kait cabaran dengan cara hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa. | 41 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa. | 42, 43 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa. | 43 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 6*** TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **7** KUALITI PERKHIDMATAN AWAM ASPIRASI PEMBANGUNAN NEGARA | TP1 | Menyatakan idea bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam untuk kebaikan bersama. | 46 | | |
| | TP2 | Menerangkan contoh piagam pelanggan perkhidmatan awam demi kebaikan bersama. | 47 | | |
| | TP3 | Menilai cara menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam yang diterima. | 48 | | |
| | TP4 | Menghubung kait kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam dengan pembangunan negara. | 49 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan cara menggunakan perkhidmatan awam secara berhemah dalam kehidupan seharian. | 50 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan cara menggunakan perkhidmatan awam secara berhemah dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 50 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 7*** TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **8** BUMI HIJAU BUMI KITA | TP1 | Menyatakan contoh amalan 5R bagi pengekalan Bumi Hijau. | 53 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan amalan 5R bagi pengekalan Bumi Hijau. | 54 | | |
| | TP3 | Mengaplikasi dengan menunjuk cara amalan 5R yang inovatif bagi pengekalan Bumi Hijau dalam kalangan masyarakat. | 55 | | |
| | TP4 | Menghubung kait amalan 5R dengan pengekalan Bumi Hijau. | 56 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan amalan 5R bagi pengekalan Bumi Hijau dalam kehidupan seharian. | 57 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan 5R bagi pengekalan Bumi Hijau dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 57 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 8* TP 1 ___ TP 2 ___ TP 3 ___ TP 4 ___ TP 5 ___ TP 6 ___

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **9** TANGGUNGJAWAB SOSIAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA | TP1 | Menyatakan contoh tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat. | 60 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan melaksanakan tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat. | 61 | | |
| | TP3 | Mengaplikasi dengan menunjuk cara idea baharu untuk menggalakkan generasi muda melaksanakan tanggungjawab sosial. | 63 | | |
| | TP4 | Menghubung kait peranan diri individu dengan tanggungjawab sosial. | 62 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan tanggungjawab sosial menerusi aktiviti kemasyarakatan dalam kehidupan seharian. | 64 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan tanggungjawab sosial menerusi penglibatan aktiviti kemasyarakatan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 64, 65 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 9* TP 1 ___ TP 2 ___ TP 3 ___ TP 4 ___ TP 5 ___ TP 6 ___

| BIDANG 4: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **10** HIDUP BERADAB CERMINAN DIRI | TP1 | Menyatakan contoh adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi. | 68 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi. | 69 | | |
| | TP3 | Menilai kesan sekiranya tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi. | 70 | | |


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| | TP4 | Menghubung kait kesan beradab dengan tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi. | 71 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan adab majlis rasmi dan tidak rasmi dalam kehidupan seharian. | 72 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan adab majlis rasmi dan tidak rasmi dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 72 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 10* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **11** HINDARI JENAYAH KANAK-KANAK | TP1 | Menyatakan contoh jenayah juvana. | 75 | | |
| | TP2 | Menerangkan sebab berlakunya jenayah juvana. | 76 | | |
| | TP3 | Menilai kesan jenayah juvana ke atas diri, keluarga, masyarakat dan negara. | 77 | | |
| | TP4 | Menghubung kait kehidupan tanpa jenayah juvana dengan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. | 78 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan cara hidup tanpa jenayah juvana dalam kehidupan seharian. | 79 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan sikap antijenayah juvana dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 79 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 11* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **12** KEBEBASAN BERSUARA MENJAMIN KEMAKMURAN NEGARA | TP1 | Menyatakan contoh kebebasan bersuara. | 82 | | |
| | TP2 | Menerangkan keperluan kebebasan bersuara dengan batasan. | 83 | | |
| | TP3 | Menilai cara bagi menyuarakan pendapat melalui saluran yang betul. | 84 | | |
| | TP4 | Menghubung kait kesan penyalahgunaan hak kebebasan bersuara dengan keharmonian hidup bermasyarakat. | 85 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan kebebasan bersuara mengikut landasan undang-undang dalam kehidupan seharian. | 86 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan kebebasan bersuara mengikut landasan undang-undang dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 86 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 12* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **13** AMALAN TRADISI MASYARAKAT MAJMUK | TP1 | Menyatakan contoh tradisi dalam masyarakat majmuk. | 89 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan tradisi dalam masyarakat majmuk. | 90 | | |
| | TP3 | Menilai tanggungjawab individu bagi mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk. | 91 | | |
| | TP4 | Menghubung kait amalan tradisi masyarakat majmuk dengan perpaduan kaum. | 92 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan tradisi masyarakat majmuk dalam kehidupan seharian. | 93 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan tradisi masyarakat majmuk dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 93, 94 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 13* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **14** KEMANUSIAAN ASAS KEMORALAN | TP1 | Menyatakan contoh peraturan-peraturan asas dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa. | 97 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan pengekalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. | 98 | | |
| | TP3 | Menilai contoh pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa di negara yang berkonflik. | 99 | | |
| | TP4 | Menghubung kait kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa dengan keamanan dan keharmonian sesebuah negara. | 100 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan aktiviti bagi menyuarakan pendapat berkaitan konflik kemanusiaan antarabangsa melalui saluran yang betul dalam kehidupan seharian. | 101 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mempamerkan aktiviti bagi menyuarakan pendapat berkaitan konflik kemanusiaan antarabangsa melalui saluran yang betul dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi. | 102 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 14* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# *Nilai Universal Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Menengah*

| NILAI | MAKSUD NILAI |
|---|---|
| **Kepercayaan kepada Tuhan** | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara. |
| **Bertanggungjawab** | Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. |
| **Berdikari** | Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. |
| **Harga diri** | Berupaya menjaga maruah diri. |
| **Kerajinan** | Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu. |
| **Berterima kasih** | Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan. |
| **Patriotisme** | Bangga dan taat setia kepada raja dan negara. |
| **Kebebasan** | Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang. |
| **Keberanian** | Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. |
| **Kejujuran** | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan. |
| **Rasional** | Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar. |
| **Baik hati** | Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas. |
| **Hemah tinggi** | Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia. |
| **Hormat** | Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial. |
| **Kasih sayang** | Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas. |
| **Kerjasama** | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua. |
| **Kesederhanaan** | Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. |
| **Toleransi** | Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT 2

# Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

## KUASAI Nota Pintas

### Nilai

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kasih sayang
- Rasional
- Berterima kasih
- Bertanggungjawab

### Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Anugerah Tuhan ialah kurniaan, pemberian dan rahmat daripada Tuhan.
2. Alam yang kita diami merupakan contoh kurniaan Tuhan yang tidak ternilai kepada kita.
3. Terdapat pelbagai anugerah alam ciptaan Tuhan yang dikurniakan kepada kita. Antaranya ialah:
   (a) banjaran gunung yang menakjubkan tanda kebesaran Tuhan
   (b) kehijauan hutan yang dapat menyeimbangkan suhu bumi
   (c) air terjun yang jernih menjadi sumber air bagi pelbagai hidupan
   (d) monyet belanda yang unik membuktikan kepelbagaian anugerah Tuhan
   (e) buah-buahan yang berkhasiat dapat dijadikan sebagai sumber makanan
   (f) gua yang unik dijadikan sebagai warisan negara
   (g) pantai yang indah menjadi tarikan para pelancong tempatan dan asing
   (h) tasik yang tenang dijadikan sebagai tempat rekreasi orang ramai
4. Kita haruslah menghargai dan memanfaatkan pelbagai anugerah alam ciptaan Tuhan yang dikurniakan Tuhan dengan sebaik-baiknya.

### Kepentingan Menghargai Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Sumber pendapatan dan ekonomi negara
   (a) Menarik kedatangan pelancong tempatan dan luar negara
   (b) Menggunakan hasil bumi untuk keperluan negara dan pasaran eksport
2. Sumber tenaga
   (a) Membekalkan sumber tenaga seperti tenaga solar dan tenaga hidroelektrik
   (b) Memudahkan kehidupan manusia
   (c) Memajukan sektor perindustrian
3. Kelangsungan flora dan fauna
   (a) Mengelakkan kepupusan flora dan fauna
   (b) Generasi akan datang dapat menikmati keindahan alam dan mengenali spesies flora dan fauna
4. Sumber air, makanan dan perubatan
   (a) Kepelbagaian flora dan fauna boleh digunakan sebagai sumber makanan dan perubatan
   (b) Air yang bersih digunakan untuk keperluan harian

### Kesan Pengabaian Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Pencemaran alam, iaitu udara, bunyi, air dan tanah yang boleh menjejaskan aktiviti ekonomi dan keseimbangan ekosistem.
2. Bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh dan hujan asid.
3. Kemusnahan habitat dan kepupusan flora dan fauna.
4. Kekurangan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui seperti petroleum, gas asli dan arang batu.

### Cara Menghargai Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Menggunakan sumber air mengikut keperluan dan tidak membazirnya.
2. Membuang sisa buangan secara terancang.
3. Tidak merosakkan anugerah alam ciptaan Tuhan.
4. Menjalankan aktiviti gotong-royong untuk menjaga kebersihan alam sekitar.
5. Tidak menebang pokok secara berleluasa.
6. Melaporkan aktiviti pembalakan haram kepada pihak berkuasa.
7. Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar.
8. Menubuhkan agensi yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

*Buku Teks ms. 20 – 21*

**SP 2.1.1** Mengenal pasti anugerah alam ciptaan Tuhan

**1.** Padankan contoh anugerah alam ciptaan Tuhan berdasarkan pernyataan yang diberi. TP 1

Kehijauan hutan | Air terjun yang jernih | Tasik yang tenang | Monyet belanda yang unik | Gua yang unik | Pantai yang indah | Buah-buahan yang berkhasiat | Banjaran gunung yang menakjubkan

| | |
|---|---|
| (a) Air terjun yang jernih | (b) Gua yang unik |
| Menjadi sumber air bagi pelbagai hidupan | Dijadikan sebagai warisan negara |
| (c) Monyet belanda yang unik | (d) Tasik yang tenang |
| Membuktikan kepelbagaian spesies hidupan yang dicipta oleh Tuhan | Dijadikan sebagai tempat rekreasi orang ramai |
| (e) Buah-buahan yang berkhasiat | (f) Kehijauan hutan |
| Dijadikan sebagai sumber makanan | Membantu menyeimbangkan suhu bumi |
| (g) Pantai yang indah | (h) Banjaran gunung yang menakjubkan |
| Menjadi perhatian para pelancong tempatan dan asing | Tanda kebesaran Tuhan |

SP 2.1.1
TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## Kepentingan Menghargai Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

Buku Teks ms. 22

**SP 2.1.2** Menjelaskan kepentingan menghargai setiap anugerah alam ciptaan Tuhan

**2.** Jelaskan kepentingan menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan. TP 2

ePᐩ **Nota** Kepentingan Menghargai Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

(a) Sumber pendapatan dan ekonomi negara

- Menarik kemasukan pelancong
- Menggunakan hasil bumi untuk keperluan negara dan pasaran eksport

(b) Sumber tenaga

- Membekalkan sumber tenaga seperti tenaga solar dan tenaga hidroelektrik
- Memudahkan kehidupan manusia dan memajukan sektor perindustrian

(c) Kelangsungan flora dan fauna

- Mengelakkan kepupusan flora dan fauna
- Generasi akan datang dapat menikmati keindahan alam dan mengenali spesies flora dan fauna

(d) Sumber air, makanan dan perubatan

- Kepelbagaian flora dan fauna boleh digunakan sebagai sumber makanan dan perubatan
- Air yang bersih untuk keperluan harian

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

**Info** Kepentingan Alam Sekitar



SP 2.1.2
TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KBAT

**3.** Jelaskan **dua** keperluan anugerah alam ciptaan Tuhan yang berikut demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. TP 3 KBAT Menilai

(a) Buah-buahan yang berkhasiat



(i) Diri
- Badan mendapat vitamin dan mineral yang mencukupi
- Menjamin kesihatan tubuh badan/ badan sihat dan cergas

(ii) Keluarga
- Mengelakkan ahli keluarga daripada dijangkiti penyakit yang akan menjejaskan suasana gembira dalam keluarga
- Menikmati kelazatan buah-buahan bersama-sama ahli keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan

(iii) Masyarakat
- Menjana pendapatan penduduk setempat hasil jualan buah-buahan
- Masyarakat memperoleh bekalan buah-buahan yang mencukupi

(b) Pantai yang indah



(i) Diri
- Dapat menghirup udara yang segar dan menikmati keindahan pantai
- Menenangkan fikiran dan mengurangkan tekanan yang dihadapi

(ii) Keluarga
- Dapat meluangkan masa bersama-sama ahli keluarga pada hujung minggu dengan berkelah di kawasan pantai
- Mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui aktiviti riadah di tepi pantai

(iii) Masyarakat
- Menjadikan pantai sebagai kawasan pelancongan yang mampu meningkatkan sumber pendapatan masyarakat
- Membekalkan sumber makanan laut seperti ikan, ketam, sotong dan lain-lain kepada masyarakat

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

SP 2.1.2

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## Kesan Pengabaian Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

Buku Teks ms. 23

**SP 2.1.3** Meramalkan kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan

KBAT

ePᐩ

**4.** Jelaskan kesan-kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan berikut. TP 4 KBAT Menganalisis

(a) Pencemaran alam



(i) Pencemaran yang berlaku menjejaskan pelbagai aktiviti ekonomi dan keseimbangan ekosistem

(ii) Terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk menangani kesan yang berlaku

(b) Kerosakan alam sekitar



(i) Bencana alam yang berlaku menyebabkan aktiviti harian terjejas

(ii) Kerosakan alam merosakkan harta benda dan mengorbankan nyawa

(c) Kepupusan flora dan fauna



(i) Pembangunan yang tidak terancang menyebabkan kemusnahan habitat flora dan fauna

(ii) Aktiviti pembalakan haram dan pemburuan haram menyebabkan kepupusan flora dan fauna

(d) Kekurangan sumber tenaga



(i) Sumber tenaga seperti petroleum, gas asli dan arang batu untuk menjana tenaga semakin berkurangan

(ii) Sumber tenaga ini tidak boleh diperbaharui dalam jangka masa singkat setelah habis digunakan

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

ePᐩ **Nota**
Kesan Pengabaian Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

**Info**
Konflik Alam, Manusia Bagai Tiada Kesudahan



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## Cara Menghargai Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

Buku Teks ms. 24

**SP 2.1.4** Menjana idea tentang cara menghargai anugerah ciptaan Tuhan

KBAT

ePlus

**5.** Jelaskan peranan pihak berikut bagi menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan. TP 5 KBAT Mengaplikasi

(a) Diri dan keluarga

(i) Tidak melakukan pembaziran ketika menggunakan air
(ii) Membuang sisa buangan secara terancang
(iii) Mengelakkan diri daripada melakukan kerosakan terhadap anugerah alam ciptaan Tuhan

(b) Masyarakat

(i) Menjalankan aktiviti gotong-royong dan menjaga kebersihan persekitaran
(ii) Tidak menebang pokok secara berleluasa
(iii) Melaporkan aktiviti pembalakan haram kepada pihak berkuasa

(c) Kerajaan dan badan bukan kerajaan

(i) Menggiatkan kempen kesedaran cara menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan
(ii) Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar
(iii) Menubuhkan badan atau agensi yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

ePlus Praktis Ekstra Unit 2

AKTIVITI PAK-21

*Rotating Review*

**Tajuk:** Anugerah alam ciptaan Tuhan

**Langkah-langkah:**

**1.** Guru mengarahkan murid membentuk kumpulan yang terdiri daripada tiga orang murid satu kumpulan.
**2.** Setiap kumpulan akan diberikan soalan yang berlainan.
   (a) Contoh anugerah alam ciptaan Tuhan dan kegunaannya
   (b) Kepentingan menghargai setiap anugerah alam ciptaan Tuhan
   (c) Kesan pengabaian setiap anugerah alam ciptaan Tuhan
   (d) Cara menghargai setiap anugerah alam ciptaan Tuhan
**3.** Setiap kumpulan akan membincangkan soalan yang diperoleh dan menulis jawapan di atas kertas sebak dalam bentuk lakaran grafik.
**4.** Setiap kumpulan memaparkan maklumat di tempat masing-masing.
**5.** Setiap kumpulan perlu bergerak ke kumpulan lain untuk menilai jawapan kumpulan tersebut.
**6.** Murid boleh membuat komen atau tambahan idea pada kertas sebak berkenaan dengan menggunakan warna pen yang berbeza.
**7.** Guru akan memantau aktiviti ini dan menilai hasil kerja setiap kumpulan.

AKTIVITI PAK-21

SP 2.1.4

| TAHAP PENGUASAAN | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| | |
|---|---|
| SP 2.1.5 | Mengekspresikan perasaan apabila menghargai anugerah ciptaan Tuhan |
| SP 2.1.6 | Mempraktikkan langkah-langkah menghargai ciptaan Tuhan demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat majmuk |

**6.** Gambar di bawah menunjukkan pencemaran anugerah alam ciptaan Tuhan, iaitu sungai. TP 6

*Nilai Teras Sivik* Kasih sayang



IDEA CETUS

(a) Apakah perasaan anda apabila melihat keadaan seperti dalam foto di atas? Berikan alasan anda.

Sedih kerana sungai yang menjadi sumber air kepada hidupan telah tercemar

(b) Nyatakan **tiga** faktor yang menyebabkan berlakunya pencemaran sungai. KBAT Menganalisis

(i) Pembuangan sampah-sarap ke dalam sungai

(ii) Pembuangan sisa toksik yang berbahaya ke dalam sungai

(iii) Kegiatan pembalakan yang tidak terkawal

(c) Jelaskan kesan pencemaran sungai yang berlaku secara berterusan. KBAT Menilai

(i) Hidupan akuatik seperti ikan dan udang akan mati/ pupus

(ii) Sumber air bersih akan berkurangan

(iii) Menjejaskan kesihatan

(d) Nyatakan **dua** peranan pihak berikut bagi mengatasi pencemaran sungai. KBAT Mengaplikasi

(i) Masyarakat
- Tidak membuang sampah-sarap ke dalam sungai
- Membuat laporan kepada pihak berkuasa jika mengetahui terdapat pihak yang mencemarkan sungai

(ii) Kerajaan
- Menjalankan kempen kesedaran kepada orang ramai secara berterusan
- Menguatkuasakan undang-undang

KBAT

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

SP 2.1.5, SP 2.1.6

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# APLIKASI KBAT

IDEA ››› Dibunuh | Melaporkan | Melindungi | Pupus | Ekosistem

Gambar di bawah menunjukkan beberapa contoh produk yang diperbuat daripada kulit haiwan.







1. Haiwan merupakan salah satu anugerah alam ciptaan Tuhan.
   Apakah perasaan anda apabila melihat produk-produk tersebut dihasilkan dengan menggunakan kulit haiwan? Berikan alasan anda.

   Sedih kerana hidupan liar dibunuh untuk memenuhi kemewahan hidup manusia

2. Nyatakan haiwan yang sering menjadi mangsa pemburu haram. KBAT Menganalisis

   (i) Gajah
   (ii) Harimau
   (iii) Tapir Malaya
   (iv) Orang utan

3. Bagaimanakah anda dapat membantu usaha mengurangkan masalah pemburuan haiwan liar? KBAT Mengaplikasi

   (i) Melaporkan kejadian pemburuan haram kepada pihak berkuasa
   (ii) Melindungi haiwan liar daripada terus diburu
   (iii) Tidak membeli barang yang diperbuat daripada bahagian badan haiwan liar

4. Ramalkan kesan jika haiwan liar terus diburu. KBAT Menilai

   (i) Hidupan liar akan pupus
   (ii) Keseimbangan ekosistem akan terjejas

   Terima mana-mana jawapan yang munasabah

Kuiz Gamifikasi
Unit 2


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 7 Kualiti Perkhidmatan Awam Aspirasi Pembangunan Negara

## KUASAI Nota Pintas

### Nilai

- Bertanggungjawab
- Berterima kasih
- Patriotisme
- Kejujuran
- Baik hati

### Idea Baharu untuk Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Awam

1. Perkhidmatan awam berfungsi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada pelanggan.
2. Perkhidmatan yang berkualiti penting bagi memastikan pelanggan berpuas hati dengan mutu perkhidmatan yang diberikan.
3. Beberapa idea baharu dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam seperti:
   (a) waktu kerja yang anjal
   (b) menyediakan borang aduan secara dalam talian
   (c) pembayaran bil secara dalam talian
   (d) pembelajaran secara telesidang
   (e) pendaftaran di premis perkhidmatan awam menggunakan sistem biometrik
   (f) pengeluaran pasport melalui pusat transformasi bandar
   (g) aduan tentang perkhidmatan bas dan teksi secara dalam talian
   (h) pengimbas kehadiran penjawat awam

### Contoh Piagam Pelanggan

1. Piagam pelanggan merupakan jaminan sesebuah jabatan tentang perkhidmatan yang disediakan.
2. Piagam pelanggan disediakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam agar dapat memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat, menepati masa dan mesra pelanggan.
3. Piagam pelanggan juga dapat melahirkan anggota perkhidmatan awam yang berdisiplin, beretika, bertanggungjawab dan prihatin.
4. Antara contoh piagam pelanggan ialah:
   (a) cepat dalam semua tindakan
   (b) tepat dalam membuat keputusan
   (c) layanan mesra kepada pelanggan
   (d) menepati masa yang dijanjikan
   (e) adil dan saksama dalam pertimbangan
   (f) menentukan perkhidmatan dan maklumat mudah diperoleh serta boleh dipercayai
   (g) menepati undang-undang, dasar dan peraturan
   (h) perkhidmatan yang cekap, tepat dan selamat
   (i) mesra pelanggan
5. Piagam pelanggan akan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan jabatan demi meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

### Cara Menyuarakan Pendapat tentang Mutu Perkhidmatan Awam

1. Pendapat daripada orang ramai sangat penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam.
2. Aduan, cadangan dan pujian tentang mutu perkhidmatan awam boleh dilakukan melalui pelbagai saluran. Antaranya ialah:
   (a) secara terus dengan agensi berkenaan, kaunter bergerak dan Hari Bertemu Pelanggan
   (b) sistem dalam talian seperti e-mel, SMS dan media sosial
   (c) biro pengaduan awam seperti surat, telefon dan peti cadangan

### Kesan Pengabaian Sumbangan Perkhidmatan Awam kepada Pembangunan Negara

1. Masyarakat tidak berpuas hati dan hilang keyakinan.
2. Menyebabkan pembaziran masa dan kos.
3. Menjejaskan pembangunan negara.
4. Pelabur hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap negara.
5. Kemerosotan ekonomi negara.
6. Menjejaskan imej negara.


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## Idea Baharu untuk Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Awam

*Buku Teks ms. 100*

**SP 3.2.1** Mengenal pasti idea baharu bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam untuk kebaikan bersama

**1.** Senaraikan idea baharu bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. TP 1

*i-Think* **Peta Buih**




Terima mana-mana jawapan yang munasabah

SP 3.2.1

| TAHAP PENGUASAAN | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## Contoh Piagam Pelanggan

*Buku Teks ms. 101*

**SP 3.2.2** Merangka contoh piagam pelanggan perkhidmatan awam demi kebaikan bersama

**2.** Jelaskan contoh piagam pelanggan perkhidmatan awam yang berikut. TP 2

ePᐩ Nota Piagam Pelanggan

i-Think Peta Pokok

**Contoh piagam pelanggan perkhidmatan awam**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

(a) Memberikan maklum balas awal kepada setiap pelanggan dalam masa 1 hari bekerja selepas aduan diterima

(b) 90% pelanggan akan diberi perhatian oleh Pegawai Perubatan dalam tempoh masa 90 minit

(c) Memastikan bahawa 95% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan kesihatan pergigian yang mereka terima

(d) Memastikan mendispens 95% preskripsi dalam masa 30 minit

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**

(a) Memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional untuk menyelamatkan nyawa, harta benda dan alam sekitar

(b) Meningkatkan kesedaran awam dan keselamatan daripada kebakaran

(c) Memberikan maklum balas awal dalam masa 3 hari bekerja

(d) Menyelesaikan aduan dalam tempoh 10 hari bekerja, kecuali aduan tersebut memerlukan tindakan atau siasatan lanjut

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

SP 3.2.2

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## Cara Menyuarakan Pendapat tentang Mutu Perkhidmatan Awam

*Buku Teks ms. 102*

**SP 3.2.3** Menghuraikan cara menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam yang diterima

KBAT

ePP+

**3.** Bagaimanakah anda dapat menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam? TP 3

KBAT Mengaplikasi

IDEA CETUS

i-Think Peta Dakap

**Cara menyuarakan pendapat**

- (a) Sistem dalam talian
  - Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)
  - E-mel
  - Media sosial
- (b) Bersemuka
  - Agensi berkenaan
  - Kaunter bergerak
  - Hari Bertemu Pelanggan
- (c) Biro pengaduan awam
  - Peti cadangan
  - Surat
  - Telefon

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

ePP+ **Praktis Ekstra** Unit 7A

**Info** Takrifan dan Jenis Aduan

AKTIVITI PAK-21

**Meja Bulat**

**Tajuk:** Mutu perkhidmatan awam

**Langkah-langkah:**

1. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada empat orang murid satu kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk tugasan yang berikut untuk dibincangkan.
   (a) Konsep 5S dalam perkhidmatan awam
   (b) Bengkel peningkatan kualiti perkhidmatan awam
   (c) Peti cadangan untuk pelanggan membuat aduan
3. Setiap kumpulan diberikan masa untuk menyiapkan tugasan dan menulis dapatan di atas kertas sebak.
4. Setiap ahli kumpulan dikehendaki menulis idea secara bergilir-gilir.
5. Hasil dapatan dibincangkan dalam kumpulan dan wakil kumpulan akan membentangkannya di hadapan kelas.

AKTIVITI PAK-21

SP 3.2.3

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## Kesan Pengabaian Sumbangan Perkhidmatan Awam kepada Pembangunan Negara

*Buku Teks ms. 103*

**SP 3.2.4** Meramalkan kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam kepada pembangunan negara

**4.** Jelaskan kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam kepada pembangunan negara. TP 4

 eP+ **Nota**
Kesan Pengabaian Sumbangan Perkhidmatan Awam

**Kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam kepada pembangunan negara**

(a) Masyarakat tidak berpuas hati dan hilang keyakinan

(b) Menyebabkan pembaziran masa dan kos

(c) Menjejaskan pembangunan negara

(d) Pelabur hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap negara

(e) Kemerosotan ekonomi negara

(f) Menjejaskan imej negara

Terima mana-mana jawapan yang munasabah



**SP 3.2.4**

| *TAHAP PENGUASAAN* | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| | |
|---|---|
| **SP 3.2.5** | Mengekspresikan perasaan apabila menerima perkhidmatan awam yang berkualiti |
| **SP 3.2.6** | Menggunakan perkhidmatan awam secara berhemah demi kebaikan bersama |

ePP+

**5.** Gambar di bawah menunjukkan perkhidmatan bas yang ditawarkan oleh syarikat pengangkutan awam.
TP 5 TP 6




(a) Apakah perasaan anda apabila menerima perkhidmatan bas awam yang berkualiti daripada syarikat pengangkutan awam tersebut? Jelaskan perasaan anda.

Gembira kerana dapat menikmati perkhidmatan bas awam yang disediakan dengan selesa

KBAT

(b) Sebagai penumpang bas, nyatakan cara anda menggunakan perkhidmatan bas awam secara berhemah demi kebaikan bersama. KBAT Mengaplikasi

(i) Tidak berebut-rebut semasa menaiki bas

(ii) Tidak berbuat bising semasa duduk di dalam bas

(iii) Tidak membuang sampah di dalam bas

(c) Cadangkan **tiga** langkah untuk menambah baik perkhidmatan bas awam yang ditawarkan. KBAT Menilai

(i) Menambah bilangan kekerapan / bilangan bas awam terutamanya pada waktu puncak

(ii) Pemandu bas mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya

(iii) Menyediakan jadual waktu pergerakan bas yang fleksibel untuk melancarkan perjalanan para pengguna

(d) Senaraikan **dua** cara untuk menyalurkan aduan jika tidak berpuas hati dengan mutu pengangkutan awam yang ditawarkan. KBAT Mengaplikasi

(i) Melalui sistem dalam talian

(ii) Secara bersemuka

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

ePP+ Praktis Ekstra Unit 7B

SP 3.2.5, SP 3.2.6

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# APLIKASI KBAT

**IDEA** Penyalahgunaan talian | Keseronokan | Kurang kesedaran | Membuang masa | Risiko | Undang-undang | Kempen

Gambar di bawah menunjukkan seorang remaja yang bertindak membuat panggilan palsu tentang kes kebakaran kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.






**1.** Wajarkah tindakan remaja tersebut membuat panggilan palsu tentang kes kebakaran kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat? Berikan alasan anda.

(i) Tidak wajar

(ii) Dia menyalahgunakan talian kecemasan tanpa memikirkan kesan buruk yang akan berlaku

(iii) Dia tidak menghargai perkhidmatan awam yang disediakan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat

**2.** Jelaskan kesan apabila remaja tersebut membuat panggilan palsu tentang kes kebakaran. KBAT Menilai

(i) Membuang masa dan tenaga pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat

(ii) Menyebabkan mangsa kes kebakaran sebenar tidak dapat memperoleh bantuan dengan segera apabila pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat bergerak ke lokasi kes kebakaran palsu terlebih dahulu

(iii) Mungkin menyebabkan risiko kematian orang lain jika berlakunya kes kebakaran yang sebenar pada masa yang sama dengan panggilan palsu dibuat

**3.** Huraikan langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kes panggilan palsu kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat. KBAT Menilai

(i) Menguatkuasakan undang-undang/ mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap individu yang membuat panggilan palsu

(ii) Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan menggunakan talian kecemasan secara berhemah

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

Kuiz Gamifikasi
Unit 7



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

**Masa:** Dua jam

**Arahan:** *Kertas soalan ini mengandungi* **tiga** *bahagian, iaitu* **Bahagian A**, **Bahagian B** *dan* **Bahagian C**. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A**, **Bahagian B** *dan* **Bahagian C**.

## Bahagian A

[20 *markah*]

**1.** Mengapakah seseorang individu perlu mempertahankan pilihan bermoral?
I Hidup sejahtera
II Dihormati oleh rakan
III Bermusuhan dengan orang ramai
IV Dipandang rendah oleh masyarakat
(A) I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

**2.** Apakah kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan?
I Kepupusan flora dan fauna
II Berlakunya pencemaran alam
III Kebersihan alam sekitar terjamin
IV Menjamin sumber tenaga yang mencukupi
(A) I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

**3.** Berikut merupakan ciri pelan pembangunan bandar terancang, **kecuali**
A loji pembetungan
B kawasan kediaman
(C) ketiadaan ciri kehijauan
D sistem jaringan jalan raya

**4.** Apakah ciri kebestarian diri yang dipenuhi apabila seseorang mempunyai banyak pengetahuan dan pengalaman?
A Aktif
B Bijak
(C) Matang
D Berdisiplin

**5.** Kebestarian diri dapat melahirkan insan yang ____________.
(A) berakhlak mulia
B bertindak mengikut perasaan
C berbangga dengan kebolehan diri
D memandang rendah terhadap orang lain

**6.** Maklumat di bawah berkaitan dengan tradisi kekeluargaan yang diamalkan oleh kaum **X**.

> Kaum **X** mengikat dua batang pokok pisang di halaman rumah kedua-dua pengantin lelaki dan pengantin perempuan.

Apakah kaum **X**?
A Cina
(B) India
C Melayu
D Bidayuh

**7.** Apakah kesan jika amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum diabaikan?
I Hubungan sesama kaum menjadi lebih erat
II Amalan tradisi kekeluargaan sesuatu kaum semakin pupus
III Generasi pada masa akan datang akan kehilangan identiti kaum
IV Tradisi kekeluargaan yang menjadi alat penyatuan kaum semakin dipentingkan
A I dan II
B I dan IV
(C) II dan III
D III dan IV

**8.** Mengapakah konflik personaliti berlaku dalam suatu persahabatan yang dijalinkan?
A Halangan akibat perbezaan jantina
B Kedudukan sosial dan ekonomi yang berbeza
(C) Perwatakan yang tidak sama dalam persahabatan
D Penggunaan bahasa yang tidak beradab dalam persahabatan


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| rasional | pelanggan | konflik | santai | warisan |

(a) Pilihan bermoral akan menjadi suatu ___konflik___ apabila wujudnya dilema moral.

(b) Kebestarian diri dapat memastikan seseorang murid membuat keputusan yang ___rasional___.

(c) Gua merupakan anugerah alam ciptaan Tuhan yang dapat dijadikan sebagai ___warisan___ negara.

(d) Piagam ___pelanggan___ dapat membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.

(e) Suasana majlis tidak rasmi lebih ___santai___ dan tatacara yang ditetapkan adalah tidak terlalu ketat.

[5 *markah*]

**3.** Jelaskan kepentingan mengekalkan amalan tradisi kekeluargaan sesuatu kaum.




[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian C

[20 *markah*]

**6.** Gambar di bawah menunjukkan kawasan hutan bandar.



(a) Apakah tujuan konsep hutan bandar diperkenalkan?

Memastikan kualiti alam sekitar dan kesejahteraan manusia terus terpelihara

[2 *markah*]

(b) Nyatakan ciri-ciri hutan bandar.

(i) Mempunyai pelbagai spesies pokok

(ii) Mempunyai ruang aktiviti riadah

(iii) Mempunyai pelbagai kemudahan yang disediakan

[3 *markah*]

(c) Jelaskan **dua** tindakan yang wajar dilakukan semasa berada di kawasan hutan bandar dalam usaha mengekalkan anugerah alam ciptaan Tuhan.

(i) Menjaga kebersihan kawasan hutan bandar

(ii) Menggunakan ruang aktiviti riadah secara berhemah

[2 *markah*]

(d) Jelaskan **tiga** tindakan yang tidak boleh dilakukan semasa berkunjung ke kawasan hutan bandar.

(i) Mengambil anak pokok untuk ditanam di rumah sendiri

(ii) Memancing ikan di tasik hutan bandar

(iii) Menconteng pokok dan batu

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

[3 *markah*]



© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*